



**UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA  
(KELANTAN)**

**TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA**

**ENCIK WONG NYE HUA**

**PEMILIK PRODUK MAKANAN ROTI TITAB**

**OLEH:**

**MUHAMMAD NAZIR BIN ABDUL AZIZ**

**2016340637**

**NUR ALIAHSAFIYAH ATIKAH BT MAT NOOR**

**2016718821**

**PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA**

**FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN**

**BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS**

**IMR604 - PENDOKUMENTASI SEJARAH LISAN**

**SEMESTER 5 (MAC 2018 - JULAI 2018)**

TRANSKRIP WAWANCARA BERSAMA  
ENCIK WONG NYE HUA  
PEMILIK PRODUK MAKANAN ROTI TITAB

OLEH:

|                                     |            |
|-------------------------------------|------------|
| MUHAMMAD NAZIR BIN ABDUL AZIZ       | 2016340637 |
| NUR ALIAHSAFIYAH ATIKAH BT MAT NOOR | 2016718821 |

PROJEK INI DIMAJUKAN KEPADA  
FAKULTI PENGURUSAN MAKLUMAT CAWANGAN KELANTAN  
BAGI MEMENUHI KEPERLUAN KURSUS  
IMR604 - PENDOKUMENTASI SEJARAH LISAN  
SEMESTER 5 (MAC 2018 - JULAI 2018)

# **PENGHARGAAN**

## PENGHARGAAN

Bersyukur kehadiran Ilahi kerana dengan izin kurniaanya dapat penyelidik menyempurnakan tugas bagi subjek IMR 604 - PENDOKUMENTASI SEJARAH LISAN ini. Sepanjang proses penyiapan tugas ini, kami telah memperoleh pelbagai pengetahuan yang amat berharga dan bermakna dalam hidup kami sebagai pelajar.

Dalam kesempatan ini, penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat secara langsung atau tidak langsung sepanjang menjayakan tugas ini. Terutamanya kepada pesyarah kami iaitu Puan Nurulannisa binti Abdullah kerana beliau telah banyak memberikan tunjuk ajar kepada kami dalam proses menyiapkan tugas ini. Tunjuk ajar beliau amat membantu kami dalam usaha menyempurnakan tugas yang telah diamanahkan. Tidak ketinggalan juga penyelidik ingin mengucapkan terima kasih kepada Encik Wong Nye Hua kerana sudi ditemuramah tentang pengalaman beliau dalam penghasilan produk Roti Titab. Maklumat yang beliau kongsi merupakan sumber utama untuk melengkapkan tugas ini.

Sehubungan itu, penyelidik juga ingin mengucapkan terima kasih kepada keluarga penyelidik yang banyak memberi sokongan moral dan bantuan kewangan bagi menyelesaikan tugas ini. Selain itu, kami turut berterima kasih kepada rakan-rakan seperjuangan kami kerana banyak menghulurkan dana dan kerjasama bagi merealisasikan tugas ini dengan jayanya.

# **ISI KANDUNGAN**

## ISI KANDUNGAN

| <b>TAJUK</b>                             | <b>MUKA SURAT</b> |
|--|-------------------|
| Penghargaan.....                         | i-ii              |
| Abstrak.....                             | iii-iv            |
| Isi Kandungan.....                       | v-vi              |
| Biodata Tokoh.....                       | vii-viii          |
| Pengenalan.....                          | ix-x              |
| Kaedah Kajian .....                      | xi-xii            |
| Transkrip                                |                   |
| Bahagian 1: Latar Belakang Tokoh.. ..... | 3-10              |
| Bahagian 2: Pengalaman.....              | 11-37             |
| Bahagian 3: Kejayaan.....                | 38-40             |
| Bahagian 4: Nasihat/ Harapan.....        | 41-42             |
| Log Wawancara.....                       | 43-50             |
| Senarai Soalan.....                      | 51-56             |
| Surat Perjanjian.....                    | 57                |
| Lampiran.....                            | 58                |
| Indeks.....                              | 59-63             |

# **ABSTRAK**

## **ABSTRAK**

**Abstrak:** Transkrip ini mengandungi temu bual bersama Encik Wong Nye Hua mengenai kejayaan beliau dalam bidang penghasilan produk Roti Titab. Transkrip temu bual ini dijalankan di Kopitiam Kita, Kota Bharu, Kelantan pada 5 Mei 2018 bermula jam 2.00 tengah hari. Beliau adalah pemilik Kopitiam Kita yang pencipta Roti Titab. Transkrip ini menyentuh serba sedikit mengenai latar belakang dan juga pengalaman beliau dalam mengusahakan Roti Titab. Temu bual ini lebih tertumpu kepada bidang kerjaya sebelum dan selepas mengusahakan Roti Titab. Selain itu, beliau turut berkongsi tentang proses memperoleh paten dan proses pembuatan Roti Titab.

**Kata kunci :** Roti Titab, Paten, Kopitiam Kita



# **BIODATA TOKOH**

## BIODATA TOKOH



|             |   |
|-------------|---|
| Nama penuh: | Wong Nye Hua  |
| Jantina:    | Lelaki  |
| Kaum:       | Hokkien   |
| Agama:      | Buddha  |
| Pendidikan: | Sehingga darjah 6 di Sekolah Rendah Kebangsaan Padang Garong                        |
| Keluarga:   | Ayah - Wong Bei Gu<br>Ibu - Mek Ke Chut<br>Adik-beradik - 7 orang<br>Anak - 2 orang |

# **PENGENALAN**

## PENGENALAN

Roti Titab adalah salah satu makanan tradisi yang terkenal dan unik di Kelantan. Roti Titab adalah roti yang telah dibakar di atas dapur arang tradisional. Roti Titab juga dibuat dengan menggunakan 'kaya' buatan sendiri sendiri yang menambahkannya ke empat sudut sekeping roti yang telah tersebar dengan marjerin. Oleh itu, 'kaya' buatan sendiri adalah sesuatu yang kelihatan seperti jem tetapi ia mengandungi beberapa bahan tradisional seperti telur, gula dan santan. Sementara itu, titik keunikan Roti Titab adalah kerana dari idea untuk meletakkan telur rebus di atasnya roti. Berdasarkan ini, ia benar-benar menunjukkan keunikan mereka sendiri dari makanan ini. The Roti Titab tidak mempunyai makna yang istimewa dan pemilik mengatakan nama ini diberikan kerana perkataan 'Titab' mudah diingat. Sekarang, orang pertama yang mendapat idea ini sudah mendaftar untuk pemegang tanda niaga untuk tempoh 10 tahun sehingga Januari 2026.

Orang yang mendapat idea ini ialah Wong Nye Hua, 62 tahun. Dia mendapat idea ini sejak dia pergi ke China pada tahun 2010 atau 14 tahun yang lalu ketika kedainya ditutup semasa bulan puasa dan ketika berada di sana dia mendapat kesempatan untuk merasakan sesuatu hidangan yang menarik yang sama dengan Roti Titab. Kemudian, apabila pulang ke rumah dia cuba menjualnya di kedainya iaitu 'Kopitiam Kita' yang terletak di 4357-A Taman Desa Jaya, Jalan Pengkalan Chepa, 15400 Kota Bharu. Walau bagaimanapun, kedai dibuka setiap hari pada pukul 6 pagi hingga 2 petang. Kedai ini juga sering dikunjungi dan dikemas oleh pelanggan bukan sahaja dari negara mereka sendiri tetapi juga dari negara-negara lain juga. Di samping itu, artis-artis tempatan yang terkenal juga melawat kedai kerana mereka ingin merasakan dan mencuba keunikan dan rasa Roti Titab.

Di samping itu, keunikan Roti Titab dibuat dengan idea tersendiri dan juga penggunaan peralatan tradisional untuk mengekalkan keunikan tersendiri. Dengan menggunakan peralatan tradisional, ia juga dapat menarik lebih banyak orang untuk mencuba makanan seperti ini. Roti Titab juga merupakan makanan yang baru dibuat dari dapur arang sendiri. Jadi, jika pelanggan ingin merasakan keseronokan untuk memakannya baru mereka dapat merasakannya di sana sendiri. Oleh itu, Roti Titab juga merupakan hidangan yang sempurna untuk dimakan sebagai sarapan atau makan tengah hari kerana ia adalah makanan asas ringan untuk semua orang. Malah, Roti Titab juga merupakan makanan yang unik seperti yang terdapat di kedai ini sahaja dan ia merupakan idea asal dari pemilik untuk pelanggan merasakan keaslian makanan ini.

# **KAEDAH KAJIAN**

## **KAEDAH KAJIAN**

Bagi menjayakan penulisan ini, bahan-bahan untuk penulisan transkrip ini diperolehi melalui tiga cara:

### **a) Pengumpulan Data**

Penyelidik mengumpulkan maklumat untuk sesi temu bual dan dimasukkan ke dalam penulisan, yang mana dirasakan perlu dan mempunyai kaitan dengan kajian ini. Dalam pengumpulan data dan bahan-bahan kajian, penyelidik membuat kajian tentang latar belakang tokoh dan juga peristiwa-peristiwa yang berkaitan dengan tokoh sewaktu kerjaya beliau sebagai pengusaha produk. Maklumat diperolehi daripada keratan-keratan akhbar dan sumber-sumber lain.

### **b) Kajian Luar**



Tokoh semasa ditemuabual

Penyelidik membuat kajian luar dengan menggunakan dua cara iaitu melalui temu bual dan pemerhatian. Kaedah ini amat penting untuk penyelidik kerana melalui temu bual, penyelidik dapat memperoleh maklumat tentang pengalaman beliau tokoh sebelum dan semasa mengusahakan produk Roti Titab. Penyelidik juga mengesahkan fakta dan maklumat yang dikumpulkan melalui medium lain kepada tokoh.

### **c) Perakam suara**



Penyelidik menggunakan perakam suara melalui telefon bimbit untuk merakam temu bual bersama tokoh produk makanan iaitu Encik Wong Nye Hua supaya suara beliau boleh didengar dengan jelas bagi melancarkan lagi proses penulisan kajian dan untuk memastikan penyelidik tinggal apa-apa maklumat penting dan segala data temu bual.

# **TRANSKRIP**



## TRANSKRIP

Berikut merupakan temu bual sejarah lisan yang telah dijalankan oleh Muhammad Nazir bin Abdul Aziz dan Nur AliahSafiyah Atikah binti Mat Noor bersama Encik Wong Nye Hua mengenai pengalaman beliau dalam mengusahakan perniagaan makanan Roti Titab. Temu bual dijalankan di Kopitiam Kita pada 5 Mei 2018.

Tujuan temu bual ini dilaksanakan bagi tujuan untuk memenuhi keperluan akademik bagi subjek IMR604 - '*Oral Documentation*'. Selain itu, temu bual ini bermatlamat untuk mengenal pasti warisan makanan tersebut. Hasil daripada temu bual ini bakal dibukukan, dirizabkan dan dipamerkan di Bilik Sumber UiTM Cawangan Kelantan Kampus Machang supaya dapat menjadi bahan rujukan untuk generasi akan datang. Temu bual ini dibahagikan kepada empat bahagian iaitu bahagian pengenalan & pendidikan, pengalaman, kejayaan dan nasihat/ harapan. Berikut adalah hasil rakaman

Petunjuk:

ENCIK WONG: Wong Nye Hua

NAZIR: Muhammad Nazir bin Abdul Aziz

ALIAH: Nur AliahSafiyah Atikah Bt Mat Noor

## **BAHAGIAN 1: PENGENALAN & PENDIDIKAN**

**NAZIR:** Apakah nama penuh Encik Wong?

**ENCIK WONG:** Wong Nye Hua

**NAZIR:** Wong Nye Hua

**NAZIR:** Apakah nama panggilan Encik?

**ENCIK WONG:** Panggilan saya banyakkann kegelaran, gelaran kadang-kadang orang panggil saya Dato' Wong, Tengku Wong. *Gelarey la gelarey* [gelaran semata-mata] *tapi ini* sudah lama dah, jadi kalau nama sepenuhnya ore tok kena [orang *tak* kenal] kalau lama-lama yang pasal dulu saya sebagai kontrak buat kerja di istana *kea* [kan] gelaran ada gelaran lah. Pada masa itu, kalau orang panggil Mr Wong orang *tak* kenal kalau panggil Tengku Wong, Dato' Wong ada orang *ambik* [ambil] ambil sejenis kata ha apa kegelaran mana-mana tempat pun kadang-kadang orang panggil saya, dulu saya *saeng* [berkawan] dengan Pengarah JPJ orang panggil saya JPJ Wong. Itu pun terlekat juga. (Penemubual ketawa) JPJ Wong dengan Pengarah JPJ sudah lapan tahun berkawan kan. *So*, [jadi] *duk tubik tubik masuk JPJ* [keluar masuk JPJ] oh, JPJ Wong. Ha *itulah*, orang gelarkan saya. Kalau nama-nama biasa *nih* [*ini*] orang tak kenal. Sekarang orang ada panggil Kopitiam Wong, Kopitiam Wong pun ada juga. Kopitiam Wong Kita.

**NAZIR:** Okay, di manakah tempat Encik dilahirkan?

**ENCIK WONG:** Jerantut, Pahang.

**NAZIR:** Jerantut oh, Pahang! (bisikkan)

**ENCIK WONG:** Saya duduk di, saya lahir di Jerantut, Pahang ha apa *tapi* saya duduk di Kelantan sudah oh lebih kurang, sepatut saya *tak* diberitahu *tapi* mungkin abang saya cakap dengan saya *you* [awak] duduk di Kelantan lebih kurang 60 tahun. Beranak disana ya lahir disana.

**NAZIR:** Em, okay. Kemudian, apakah keturunan asal Encik?

**ENCIK WONG:** Hokkien, agama Buddha.

**NAZIR:** Okay. Apakah nama ayah Encik?

**ENCIK WONG:** Wong Bei Gu

**NAZIR:** Apakah nama ibu Encik?

**ENCIK WONG:** Mek Ke Chut, orang Siam.

**NAZIR:** Oh, Mek Ke Chut!

**ENCIK WONG:** Pelik sikit nama dia, Mek Ke Chut.

**NAZIR:** Berapakah jumlah adik-beradik Encik?

**ENCIK WONG:** Adik-beradik 7 orang.

**NAZIR:** Encik anak ke berapa dalam adik-beradik?

**ENCIK WONG:** aaa, yang ke-5.

**NAZIR:** Berapakah jumlah anak Encik?

**ENCIK WONG:** Eh!

**NAZIR:** *Tak*, tadi yang pasal adik-beradik. *Ini* yang pasal anak Encik, jumlah anak Encik.

**ENCIK WONG:** Anak berapa oranglah?

**NAZIR:** Ha ya.

**ENCIK WONG:** Anak dua orang. Jantan dengan, em ... perempuan dengan laki-laki.

**NAZIR:** Bolehkah Encik kongsi pengalaman manis semasa kecil dahulu?

**ENCIK WONG:** Dulu, apa yang buat, asal lah? Maksud korang yang mula-mula kerja sampai sekarang la. Nak tahu yang asalkan? *Betul tak?* Permulaan saya, saya umur saya, okay, saya *tak mengaji* [*tak belajar*] saya mengaji sampai *kelas 6 sahaja* [darjah 6 sahaja]. *Lepas tu*, [selepas itu] saya *tak mengaji* tingkatan 1, *I* (saya) pergi belajar buat kerusi rotan, perabot *jenis* kerusi rotan. Secara lamanya saya kerja-kerja dekat 4 tahun. ... *Lepas 4 tahun*, *Lepas tu*, [selepas itu] saya habis 4 tahun umur saya dalam 22 tahun saya pergi belajar *workshop* [bengkel]. Bahagian *pomen* [mekanik] kereta. Yang asal permulaan itu ... saya sedang buat *gapo eh* [apa itu] *pomen* [mekanik] dekat 4 tahun juga kerana saya berhenti *itu* masalah saya, saya *accident* [kemalangan], patah tangan.

**NAZIR:** Oh! *Tak* boleh buat kerja berat la maksudnya?

**ENCIK WONG:** Ha ya, masuk hospital. *Lepas tu*, [selepas itu] saya pun cari kerja yang *ringae* [ringan]. Kerja *ringae* [ringan] yang tidak berat daripada *akat* [angkat]

kereta, brek, apa spanar *tu* kan, kita *tak* boleh buat. Saya alih saya belajar ...  
barang perabot juga *tapi* perabot *ini* saya buat bahagian syelek.

**NAZIR:** Syelek

**ENCIK WONG:** *You* [awak] tahu, *you* [awak] faham syelek? Syelek pintu,

**NAZIR:** Oh!

**ENCIK WONG:** Syelek kayu, kayu kena syelek *nok* [nak] *shining* [bersinar] kayu  
*itu* kan. Ha *ini* kayu *color* [warna] apa nak buat syelek *itu* kan. *I* [saya] belajar  
daripada urm ...syelek Syarikat Leng Hut Perabot. Leng Hut *tutup doh* [dah *tutup*]  
*tapi* dulu, yang cerita dulu la. Saya *training* [latihan] *situ* dalam 5 tahun.

**NAZIR:** 5 tahun, Leng Hut.

**ENCIK WONG:** ... urm syelek, saya sudah syelek saya dapat ilmu 5 tahun, saya  
kontrak kerja luar. Saya kerja sendiri buat sendiri. Kerja syelek juga.

**NAZIR:** Oh! Kerja berbeza-beza la? (*serentak*)

**ENCIK WONG:** *Bukey* [bukan]. *Ambik* [ambil] sudah kontrak *breti kijo* [berhenti  
kerja] dengan syarikat saya *tubik mari* [keluar] saya *start* [mulakan] sendiri, dulu  
saya makan gaji dalam 5 tahun saya makan gaji.

**NAZIR:** *Lepas tu*, [selepas *itu*] buat kedai sendiri la maknanya?

**ENCIK WONG:** Gaji saya daripada 5 tahun saya berhenti RM30  
sehari. ...daripada saya belajar aaa daripada RM12, gaji saya RM12 sampai 5 tahun  
gaji saya RM30. Saya berhenti, saya ada peluang, saya buat kontrak sendiri.

**NAZIR:** Masa *itu* Encik buat sendiri *ataupun* ada kawan tolong ke?

**ENCIK WONG:** Yang mana?

**NAZIR:** Masa Encik mula-mula nak buat yang syelek *tu*.

**ENCIK WONG:** Syelek *tu*, urmm saya *tubik* [keluar] keluar kontrak dah kan. Saya ada simpanan duit sikit-sikit

**NAZIR:** Guna modal dulu

**ENCIK WONG:** Ha, mula-mula macam *you* [awak] tanya *tu*, *ado* [ada] orang support [sokong] ke buka tadi kan. Okay, baik. Saya buka *kecik-kecik* [kecil-kecil] sahaja bukan besar. Modal saya, saya buat dalam masa *itu* dalam RM1200, RM1800 macam *itu* sahaja. Saya beli *compressor* [mesin pemampat], beli la mesin sikit-sikit. Ha, masa saya buat *itu* pekerja saya 2 orang sahaja dengan saya *turut follow up* [ikut] dengan saya 2 orang sahaja. *Tokey* [tauke] sendiri *koli* [pekerja] sendiri, pekerja pun kita buat sampai saya buat syelek *itu* saya boleh dapat kontrak *sini* kontrak *situ* *kea* [kan] ada *satu* jenis saya dapat *satu* kontrak *supermarket* [pasaraya]. Okay bahagian syelek, lepas ada *satu* syelek *itu* saya beli, ia kena beli *air thinner* [cat nipis], minyak-minyak apa kan. Ha, *itu* daripada *I order* [saya tempah] daripada *salesman* [jurujual]. *Lepas tu*, [selepas *itu*] saya buka *satu* syarikat KB Syelek Center. Saya punya syarikat dulu. Ha, okay. *Lepas tu*, [selepas *itu*] saya dapat kontrak, saya dapat jual perabot, apa dapat *ni* 5 tahun *tu* daripada buat macam-macam saya pergi supermarket [pasaraya] dapat kontrak, ada *satu* cina daripada Kuala Lumpur tanya *you* [awak] boleh dapat *you* [awak] boleh buat ke

yang satu jenis lagi. Kalau *you* [awak] boleh buat saya nok buwi [nak bagi] *you* [awak] buat semua kontrak.

**NAZIR:** Oh!

**ENCIK WONG:** *I* [saya] kata *tak* boleh. *I* [saya] cakap kat dia saya buat syelek sahaja. Ini saya *tak* dapat tahu kerana saya *tak* boleh buat di Kelantan kerana tiada orang lagi buat yang jenis-jenis ini. Ha itu yang apa yang mula-mula yang saya buat itu kan, yang saya nampak kan ada ilmu juga la boleh dapat cari *makang* [makan]. Saya pun tanya *itu tokey* [tauke] dia dapat orang KL, orang KL *mai buat* [datang buat] satu kontrak *mai buat* [datang buat] saya tanya *itu* orang, yang orang KL *mai buat* [datang buat] macam mana buat. Macam mana buat saya nak *tackle* [dapatkan] dia, saya nampak syelek dan saya dapat satu *tackle* [dapatkan] yang buat itu cat kan, *itu* cat orang panggil Sprayta.

**NAZIR:** Sprayta.

**ENCIK WONG:** Ha. ... *Lepas tu*, [selepas itu] saya belajar saya nampak dia saya *tackle* [dapatkan], saya bawa dia pergi *makang* [makan] apa saya nak ambil dia punya dimana dia beli *materials* [bahan] apa kan. Ha, *Lepas tu*, [selepas itu] saya *tackle* [dapatkan] dapat dia kan, dia *tunjuk* saya tempat-tempat yang mana boleh beli yang *chemical* [bahan syelek] *ni*. Kita mana tahu, kita tahu syelek je. *Betul dok?* [betul tak] *Lepas* dia tanya *tu*, *lepas tu* bila dah sampai tempat *ni* dia beri saya alamat apa kan, saya Kuala Lumpur *tok rajin jejok lagi* [tak pernah pergi] saya duduk di Kelantan sahaja. Dia *kato kalu nok* [bagitahu kalau nak] *you* [awak] KL jumpa-jumpa saya. *Lepas tu*, [selepas itu] saya tanya saya punya salesman [jurujual] hok sayo [yang saya] beli *thinner* [cat nipis] apa *itu* kan, *you* [awak] tahu apa-apa

tempat yang saya nak pergi? Ha, dia tahu dia kata. Okay, saya pun try naik *flight* [cuba menaiki kapal terbang]. *Flight* [kapal terbang] pun saya *tak* rajin [tidak pernah] naik lagi *tak* tahu macam mana naik. *Lepas tu*, [selepas itu] saya *tepon ko* [menghubungi] kawan saya, saya kata saya nak pergi KL malam *ni* start [dari] pukul 8, *you* [awak] boleh ambil saya di *airport* [lapangan terbang] terus di *airport* [lapangan terbang] saya pun terus pergi tempat kawan saya. Ha, macam *itu*. *Lepas tu*, [selepas itu] saya pergi la KL. Naik *flight* [kapal terbang] saya pun pergi la jumpa kawan saya, terus jumpa kawan saya, kawan saya pun ambil alamat pergi terus tempat *air thinner* [cat nipis] yang saya beli *tu* kan. Dia pun bawa saya pergi tempat Sprayta. Ha. Saya dapat Sprayta ilmu dia saya belajar dalam 6 bulan eh 3 bulan saya ambil *training* [latihan].

**NAZIR:** 3 bulan.

**ENCIK WONG:** 3 bulan. *Lepas* saya *training* [latihan] 3 bulan, saya dapat tahu *ini* punya mereka beli macam mana saya pun *training* [latihan] sendiri, saya belajar sendiri, *balik mari* [kembali ke tempat asal] saya beli *plywood* [papan lapis] nak belajar *ni* nak *training* [latihan]. *Selepas* boleh cari makan kan, saya pun bagi kawan-kawan saya tahu disini ada, urm saya ada syarikat saya KB Syelek Center kan, *disini* ada membuat pelbagai Sprayta, mengecat dan lain-lain lagi.

**NAZIR:** Oh, tambah lagi servis.

**ENCIK WONG:** Tambah. Tambah yang satu lagi. *Ni* nak tahu cerita *detail* [jelas] macam *ni* la.

**NAZIR:** Ummm (ketawa) ...Kemudian, kan tadi Encik kata belajar sampai *kelas 6*? [darjah 6]



**ENCIK WONG:** Ha, *kelas 6*. [darjah 6]

**NAZIR:** *Ni* dekat mana, sekolah mana?

**ENCIK WONG:** Padang Garong.

**NAZIR:** Padang Garong

**ENCIK WONG:** *Ni* Kota Bharu, Padang Garong.

**NAZIR:** ... Kemudian memang *tak* belajar la, cuma buat latihan untuk *ni* la?

**ENCIK WONG:** Ha, latihan je.

**TAMAT BAHAGIAN 1**

## **BAHAGIAN 2: PENGALAMAN**

**NAZIR:** *Lepas tu*, okay. Kemudian bahagian 2 pengalaman Encik. Siapakah tokoh dalam perniagaan *ni*?

**ENCIK WONG:** Tokoh?

**NAZIR:** Ha, dalam perniagaan *ini* siapa tokoh Encik?

**ENCIK WONG:** urm .. yang tadi saya cakapkan lepas habis daripada saya buat *spray* [servis penyemburan cat] saya dapat buka besar-besaran kan. Saya dapat *itu* kan, syelek saya berhenti, buat *spray* [servis penyemburan cat] boleh cari makan kan. *Lepas tu*, saya buat *sparay* hebat kan saya boleh dapat wang banyakkkan. Saya simpan wang *itu* saya buat *satu* syarikat jual perabot.

**NAZIR:** Oh, jual perabot pula. Okay

**ENCIK WONG:** Jual perabot saya buka syarikat saya “Modern Perabot”. Ha, saya syarikat. Nama “Modern Perabot”. *Itu* saya tidak kerja sendiri, dia mungkin saya *tak* kerana saya buat *spray tu* sudah lama, harga pun *jatuh tak* jadi berhenti kan, ha saya buat perabot, perabot saya buka di “Modern Perabot” di Ketereh. 2 tahun buka disana. Sampai sana 2 tahun saya buka perabot kan rancangan *niaga* saya *tak* sesuai dengan saya, saya *tutup* kerana saya jual beli jual beli orang hutang banyak, bila hantar barang orang *tak* bayar. Macam barang RM3000 dia bayar RM1500 dulu, ha lepas *tu* masalah juga. Sampai-sampai *situ* kan *stop* [berhenti] *situ* saya buat *renovation*. [kerja pengubahsuaian] Buat *renovation* [kerja pengubahsuaian] *ni* baiki rumah orang ... buat *renovation* [kerja pengubahsuaian] saya dapat *renovation*

[kerja pengubahsuaian] sikit-sikit *Lepas tu*, saya buat orang nampak saya okay okay kan. Saya buka la satu syarikat “Cahaya Spray”.

**NAZIR:** “Cahaya Spray”.

**ENCIK WONG:** Saya buka syarikat *ni pasa* [sebab] saya *tutup* “Sprayta” yang tadi kan. Saya *tutup* buka “Cahaya Spray”, saya buat sebagai *renovation* [kerja pengubahsuaian] membaiki-baiki rumah orang yang mana orang nak *repair repair* [baiki] kita buat. ... *lepas tu* saya buat besar-besaran saya dapat kontrak daripada “Cahaya Spray” saya dapat kontrak “Maybank Finance”.

**NAZIR:** “Maybank Finance”?

**ENCIK WONG:** Dulu “Maybank Finance” *lonie tak* dok “Finance” doh, *lonie* “Maybank” saja [sekarang sudah tiada, sekarang nama “Maybank” sahaja] *ni* cerita dulu la. Saya dapat kontrak “Maybank Finance” semua “Maybank Finance” dalam pantai timur Terengganu, Kuantan, Kelantan saya mula-mula yang buat dapat kontrak.

**NAZIR:** ... *Lepas tu*, dalam perniagaan Encik *tak de* [tiada] yang tokoh, macam idola macam ikutan ?

**ENCIK WONG:** *Tak dok* [tiada]

**NAZIR:** *Tak de*. Ohh. Maknanya semua Encik belajar sendiri la.

**ENCIK WONG:** Sendiri . . . semua saya cari peluang sendiri *tak dok ore lain nok* [tiada orang yang nak] *support* [sokong] belakang *tak de*.

**NAZIR:** Okay. Sepanjang pengalaman Encik la meniaga *ni* siapa tokoh atau selebriti yang pernah jumpa Encik?

**ENCIK WONG:** Selebriti yang mana, dalam berniaga buat dalam perabot ke, dalam perabot la ?

**NAZIR:** Semua la.

**ENCIK WONG:** Semua la. Saya banyakkkan saya dapat di “Maybank Finance” saya dapat kan macam *manager* [pengurus] *boss boss besar mari jupo saya* [bos datang berjumpa] dia pun dapat kebaikan apa kan. Ha, apa *ini ini* macam saya kenal satu Tan Sri apa saya *tak* ingat Tan Sri kan dia *recommend* [mengesyorkan] pergi buat rumah-rumah kawan di KL. Saya pergi buat la. Ha, *tu* la tokoh saya dapat mulut ke mulut orang kan. Ha, *tu* jadi buat *tu*. *Lepas tu*, saya buat sudah lama buat perabot *ni* kan buat *renovation* [servis pengubahsuaian] apa *ni* kan, saya pun ore *beromor doh kan* [sudah tua] sudah lama saya buat kan, saya dah kontrak saya boleh berhenti sebab apa tahu? Sebabnya nampak okay buat kerja *ni* apa kan pasalnya saya dapat punya kontrak, *ini* kontrak *ini* kontrak kita buat dalam 5 *butir* [buah] rumah kan, 3 *butir* [buah] yang bayar *cash* [tunai] 2 *butir* [buah] hutang. Tadi 2 *butir* [buah] hutang *tu* kan kalau kita buat 3 pun *tak* de guna juga. Hutang *tak* bayar, *untung sini situ* terkambus. Jadi *tak dok* [tiada] keuntungan la banyak lelah kita la. Faham *tak*. Dapat wang *tapi* wang *tu tak* sampai kat kita. *Payment* [bayaran] *tu slow* [perlahan] la. Faham *tak*. Dia *tenggala*. [tergendala] *Tenggala* [tergendala] *tu* lepas *tu* saya pun *slow slow* [perlahan] berumur, saya pun habis *situ* kan saya buat kecil saya *tak* buat besar lah. Waktu buat kecil je lah anak pun sudah besar, dapat anak dah kan, anak sudah besar saya pun anak saya nak buat, anak perempuan saya

nak buat *ni* Kopitiam. *Ni* bukan Kopitiam lagi dia buat di “Golden Key” syarikat dia. “Golden Key” dia buat 2 tahun, dia buat steamboat.

**NAZIR:** Oh, steamboat.

**ENCIK WONG:** Kedai *ni* buat steamboat. . . . Lepas dia buat steamboat 2 tahun, saya *tak* paksa lagi anak saya buatnya, saya *tak* buat lagi. *Lepas tu*, [selepas itu] dia nak lahir, nak beranak kan, dia sibuk kan. Jadi sudah lahir *tak dok ore nok buat* [tiada orang uruskan] saya yang dibelakang dia susah dah kan. Saya pun sambil-sambil tanya anak saya kalau *you* [awak] *tak* nak buat, saya *untuk* disewa kedai saya. Siapa yang nak sewa boleh. Nak buat Kopitiam ke nak buat apa kan. Saya *letak* banner 3 bulan *tak* de orang tanya pun. Okay. Cuma pun saya terus ambil buat Kopitiam.

**NAZIR:** Oh.

**ENCIK WONG:** Saya buat Kopitiam pun, sebelum saya nak buat kopitiam saya *bicey* [bincang] dengan kawan-kawan saya yang sahabat-sahabat macam mana kalau saya kedai *ni* buat Kopitiam. Hei bagus la Mr Wong, *you* [awak] buat macam *ni*. *You* [awak] jangan buat besar lagi *you* [awak] buat kecil-kecil dulu. Dia cerita *I* [saya] *gitu* [macam *tu*]. Kita nak buat *ni* kita kena bincang dengan kawan-kawan. *Tak* kan nak buka, buka macam *tu* je kan. Ha, *slow* [perlahan] macam *tu*. Jadi masalahnya saya “Golden Key” saya ambil buat “Kopitiam Kita”. Saya masuk syarikat, *satu* syarikat “Kopitiam Kita”. *Tutup* “Golden Key”.

**NAZIR:** Oh. *Tutup*.

**ENCIK WONG:** . . . Saya buat daripada *itu* banyak orang *support* [sokong] saya. *Support* [sokong] nak beli *ini* beli *itu* kan, ramai-ramai kan. Okay macam buat air almari apa orang *support* [sokong] saya, yang mana *support* [sokong] saya lebih kurang orang *support* [sokong] saya *tapi tak* ada orang kongsi, orang *support* [sokong] banyak. ... Lepas saya buat “Kopitiam Kita” *itu* kan, permulaan saya buka 20 meja sahaja.

**NAZIR:** Sepanjang perniagaan di Kopitiam *ini* ada alami kerugian?

**ENCIK WONG:** *Tak dok* [tiada]

**NAZIR:** Eh! *Tak* ada. (ketawa)

**ENCIK WONG:** *Tak dok* [tiada] rugi. Kopitiam?

**NAZIR:** Ya.

**ENCIK WONG:** *Tak dok* [tiada] rugi.

**NAZIR:** Oh. *Tak* ada. Kemudian,

**ENCIK WONG:** Untung ada.

**NAZIR:** Untung. (bisikkan) Pernah *tak* dapat untung banyak?

**ENCIK WONG:** *Dok* [*tak*] dia bukan macam *tu*. Dia bukan dapat untung banyak. Permulaan saya buka kedai kopi “Kopitiam Kita” *tu* 20 meja *tu* kan, untung *tak* banyak la. *Koli* [pekerja] baru dalam 3 orang sahaja. Okay. Dapat sikit untung sikit, *tak* besaran la dia boleh lepas gaji *budok-budok* [pekerja] untuk kita ada la *gie gie*

*kito* [bahagian kita] semua kan untuk makan-makan kita ada la. *Lepas tu*, [selepas *itu*] saya buka 20 meja *tu* kan masa saya nak ambil masa juga, *kedapatan* [pendapatan] saya *sari* [sehari] boleh RM100 lebih sahaja.

**NAZIR:** RM100 lebih jualan.

**ENCIK WONG:** *Dok macey ore mari makey teh 'o'* [tak macam orang datang minum teh] bayar. *Ini* bayar *itu* bayar, masa saya, saya buka pukul 7 sampai pukul 1 petang je. Masa saya. Permulaan 20 meja saya buka kan *kedapatan* [pendapatan] RM180, RM200. Lepas la *budok-budok* [pekerja] gaji. *Gaji budok* [gaji pekerja] baru RM15 je, 4 orang RM45 saja, 3 orang RM45 kan. Jadi ada *untung* sikit-sikit *tak* besar la, *tak* rugi la. Ha, lepas *tu* saya buat *satu* rancangan saya “Kopitiam Kita” dalam Kelantan orang *tak* buat saya macam saya buat punya Kopitiam. Saya buat apa tahu? Saya buat roti canai.

**NAZIR:** Roti canai. Oh, roti canai.

**ENCIK WONG:** Permulaan saya buka. *Tapi* saya tanya, *I* [saya] buat roti canai kan, permulaan orang *tak* buat roti canai *tapi* eh banyak orang buat roti canai kan. *Tapi* saya tanya *you* [awak] la, saya buat roti canai *tok srupo* [tak sama macam] orang lain sebab apa. *You* [awak] tanya saya sebab apa saya buat roti canai, roti canai semua ada dekat kedai mamak kan, dimana tempat orang jual roti canai kan. Saya buat lain daripada orang. Apa yang saya buat. *You* [awak] soal saya balik?

**NAZIR:** Roti canai mesti ada keunikan yang Encik buat. Maknanya,

**ENCIK WONG:** Roti canai saya orang mari makan, kualiti *srupo blako, masakan srupo* [semua sama dari segi masakan pun sama] *tapi* saya buat *tu* lain daripada lain pada orang.

**NAZIR:** Mungkin, bahan.

**ENCIK WONG:** Bahan apa? Bahan *srupo jah* [sama sahaja]

**NAZIR:** Oh, bahan serupa.

**ENCIK WONG:** Bahan serupa je, gandum, minyak sapi semua ada.

**NAZIR:** Atau mungkin buat macam yang dalam ape cerita “Senario” *tu*. Dia terbang ke.

**ENCIK WONG:** *Tak dok* [tiada]

**NAZIR:** (ketawa) tiada juga.

**ENCIK WONG:** *Memei* [memang] *you* [awak] *tak* dapat jawab. Okay saya *buwi* [beri] cadangan yang buat kan. Roti canai saya semua orang masak dengan apa tahu *tak*. *You* [awak] Nampak dia punya dapur kan semua pakai gas kan? *Betul?*

**NAZIR:** *Betul.*

**ENCIK WONG:** Semua gas kan. Saya teknologi saya, saya roti canai tradisional saya, bawah saya buat apa *tau* bawah dia. *You* [awak] tahu?

**NAZIR:** Arang?

**ENCIK WONG:** Ha!



**NAZIR:** Oh, batu arang.

**ENCIK WONG:** Batu arang. Siapa boleh buat batu arang? *Taka* da orang buat kan dengan batu arang. Batu arang *ni* bukan senang tahu. Gas *tak* apa *you* [awak] pakai terus dia nyala dah. Nak *slow* [perlahan] sikit *pulah* [pusing] *slow* [perlahan] sikit *tak*. *Ni* arang hari-hari duduk macam *ni* (sambil membuat gaya mengipas)

**NAZIR:** Kipas.

**ENCIK WONG:** *Tapi* saya bukan macam *tu*, saya fikir otak saya, saya *tok ngaji* [tak bersekolah] *tapi* otak saya *memei boleh fikir buat kijoan* [boleh fikir untuk buat kerja] saya bukan nak malu, saya *tulis* sikit, baca sikit boleh. Saya buat *itu* dapur untuk buat roti canai kan saya fikir saya buat *compressor* [alat pemampat]. Boleh *adjust* [melaraskan] tinggi rendah tinggi rendah. Ha, api kuat saya *adjust* [melaraskan] angin sikit, saya *tak* payah *give up* [putus asa] *pakai compressor dia pakai bom la buko suis dio pakat sung angin kan* [sama macam pakai suis terus buka] . . . saya buat roti canai mula-mula-- masa saya *koli* [pekerja] 2, 3 orang, 4 orang, 20 meja kan. Saya buat ambil Nasi Air Dingin, Nasi Berlauk Air Dingin kan, lepas *tu* Pulut Pagi, Nasi Kapit tambahan la *tu*. Tambahan saya Nasi Kapit, Nasi *Tumpang*, Nasi kerabu ha lain daripada orang, lain daripada yang lain kita buat *tu*. Ada Kopitiam lain yang *you* [awak] pergi tempat tempat, *tak dok macey ni* [tiada yang macam *ni*] saya buat. *You* [awak] pergi habis-habis tinggi Kopitiam kan, Nasi Lemak. Habis-habis *tu*, Nasi Lemak, Roti Bakar kan. *Tak dok kea* [tiada kan] ha saya buat *tu* lain daripada orang *dok*. [kan] Sampai sekarang kan semua orang tiru. Sampai ke KL lagi. KL, Johor orang tiru habis *tapi tak* jadi macam saya juga. . . . Ha, lepas saya cerita yang saya buat roti canai buat *ini* kae [kan] masa saya *meniaga* di-- saya *meniaga* sampai sekarang sudah 14 tahun.

**NAZIR:** 14 tahun.

**ENCIK WONG:** Kadang-kadang kan saya, masa saya dalam 3, 4, 5, 6, 7 sampai sekarang 32 orang pekerja saya. . . . Sebab apa kedai saya boleh sampai *famous* [terkenal], tengok *ni you* [awak] *interview* [temubual] saya, *you* [awak] *tak* cari kedai orang *you* [awak] datang *interview* [temubual] kita, dalam internet pun ada dan sekarang dalam Facebook pun ada. Senang kan. Saya *seke* [sangka] saya boleh buat sampai saya boleh pakai 32 orang pekerja kan. Saya dalam bulan puasa, bulan Ramadhan saya cuti sebulan. Saya *tutup* terus. Ha, *itu* masa saya cuti. Masa saya cuti *tu*, *kedapatan saya* [pendapatan saya] saya pergi *oversea* [luar negara] saya makan angin, saya dapat *satu* kemenangan saya bekerja kan, *satu* ilmu Roti Titab.

**NAZIR:** Roti Titab

**ENCIK WONG:** Siapa buat Roti Titab permulaan, saya Kota Bharu. ...Roti Titab saya *itu*, sampai *famous kan* [terkenal kan] sampai TV3 *mai jupo* [datang jumpa] saya. Majalah 3 mari jumpa saya *interview* [tembual] saya macam mana *you* [awak] boleh timbul Roti Titab. Sebab apa Roti Titab nama dia Roti Titab. Saya kata Roti Titab sejenis nama sahaja. Dia *tak* tahu dulu macam kita Roti Canai, Roti Hamlet, Roti Kaya macam-macam la. Kita buat *satu* dia Roti Titab. Saya buat Roti Titab, sudah *tu sini orang tahu blako* [semua orang tahu] kedai saya kalau *you* [awak] tengok kan *takut* kita tengok. Kalau hari raya *you* [awak] mari, hari cuti sekolah *you* [awak] tengok lah kedai saya jadi apa.

**NAZIR:** Penuh.

**ENCIK WONG:** Saya pun orang cakap saya kata, Wong *you* [awak] sudah buat Roti Titab *you* [awak] sudah okay, nampak maju *you* [awak] kena buat *register*

[pendaftaran] untuk buat *trademark* [tanda dagangan] *tak* boleh orang tiru. Kalau orang tiru boleh *sue* [saman] dia macam-macam mana. Ha, *tu* dapat sijil saya (sambil menunjukkan gambar sijil kepada kami)

**NAZIR:** Okay, sepanjang Encik *berniaga ni*, Encik pernah terima masalah daripada pekerja?

**ENCIK WONG:** Masalah *itu*. Biasa.

**NAZIR:** Biasa lah *tu*. (sambil ketawa) contoh masalah apa?

**ENCIK WONG:** Masalah saya, macam *you* [awak] kata *tak*, saya dukacita kedai saya banyak ada yang masa orang fitnah.

**NAZIR:** Oh fitnah.

**ENCIK WONG:** Macam *orang kije tu* [pekerja] kita boleh *settle* [selesaikan] *tak* ada masalah, memang ada la *tapi* fitnah la yang terburuk sekali. Orang nak fitnah saya kerana kedai *ni memei* [memang] *famous* [terkenal] sekali dan tv sahaja, TV1, TV2, TV3, ASTRO, TV Bangkok, TV Singapore semua masuk. . . . Dalam surat khabar Berita Harian, *Utusan* keluar, Metro sudah keluar, Sinar Harian pun sudah keluar lepas *tu* Bernama Sen Pou dan Chin Chiu sudah keluar dah. (sambil menunjukkan gambar keratin akhbar)

**NAZIR:** Lepas *tu*, sepanjang apa pasal pekerja *ini* kan, Encik ada *tak* pekerja yang paling Encik ingat la? Contohnya,pekerja macam mungkin dia dah *tak* ada ke

mungkin pekerja lama ke yang Encik paling ingat la macam dia banyak pengalaman dalam kedai Encik *ni*?

**ENCIK WONG:** *Dia gini budok-budok kijo kalu ramai* [dia macam *ni*, pekerja kalau ramai] dia tidak macam *ni*, saya *sini* ada *dua sim alik ni dengan alik sana* [dua bahagian, belah *sini* dan *sana*] *ni* yang lain, *sana* yang lain *tapi satu bos sahaja*. Satu bos jadi buat *dua sim* [dua bahagian] jadi pekerja kadang-kadang *alik sana dan sini dia tak ngam*. [belah *sana* dan *sini tak rapat*] Dia ada *baloh-baloh sikit* [bergaduh] ha macam *ni* macam *tu* (sambil membuat lakonan gelagat pekerja). Itulah masalah pekerja *ni* dalam Kopitiam *ni*. Dalam kedai *ni* kalau masalah macam *tu*, fitnah pun ada macam-macam kan. Fitnah *ni you* [awak] fikir, fitnah *ni* macam-macam orang boleh buat, boleh faham *tak*? Macam-macam kan, terburuk yang diorang cakap macam mana. Saya orang *Chinese* [cina] lepas *tu* pekerja orang melayu, dia boleh *terburuk* [burukkan] dia kata malam-malam ada anjing. 16 ekor anjing. Dia boleh kira ada 16 ekor anjing. Betul ke 16 ekor. (dengan nada marah) Dia masukkan dalam Facebook, di Kopitiam Kita ada anjing malam-malam tidur atas meja. Anjing tidak tidur atas meja punya, bawah meja ada. *Tapi* yang hairan dia boleh kira 16 ekor, berita terbaik la. *Tapia* da terganggu sikit la. *Lepas tu*, habis cerita *tu* dapat tahu *satu* lagi berita baru pulak, orang masuk dalam Facebook, oh kopitiam *ni padey pun ore ramai* [patut ramai orang pun] hebat orang tu orang *ni mari pon* [datang] dia pelihara anak hantu.

**NAZIR:** (sambil ketawa)

**ENCIK WONG:** Dia ingat anak hantu halus ke, anak hantu *tu* daripada *satu* perempuan mari makan dia nampak macam kopi 'o' beng. Kopi 'o' beng gelap kan,

dia *edit* [sunting] anak hantu dalam *tu*. Macam *you* [awak] la, *you* [awak] pakai hitam dia putih. Oo, hantu.

**NAZIR:** (ketawa)

**ENCIK WONG:** *Itu* saya dapat tahu, saya buat *report* [laporan] dapat tangkap diorang. Dapat tangkap. Lepas dapat tangkap, dia datang jumpa minta maaf. Saya kata *you* [awak] minta maaf dengan polis dengan saya *tak* boleh minta maaf. *You* [awak] buat balik, *you* [awak] hantar balik dalam Facebook *tu*, *you* [awak] *oyak* [bagitahu] macam mana *you* [awak] buat cerita saya. *You* [awak] balas balik. Dia *oyak* [bagitahu] bukan dia buat, *tok laki* [suami] dia yang buat. Bekas *tok laki* [suami] yang buat dia sudah cerai dengan *tok laki* [suami] dia buat saya *gini-gini*. [macam *ni*] Saya *tak* sabitkan saya, saya kata. . . . Masalah juga kedai kalau *famous* [terkenal] orang boleh buat fitnah macam-macam orang cakap. *Tu* la boleh dicerita.

**NAZIR:** Mungkin masa fitnah berlaku, pelanggan dia kurang *atau* sama sahaja?

**ENCIK WONG:** Dia kurang sikit.

**NAZIR:** Kurang sikit la?

**ENCIK WONG:** Anjing kurang sikit, *tapi* hantu ramai sikit.

**NAZIR:** (ketawa)

**ENCIK WONG:** Pasal hantu *ni*, orang nak tengok mana hantu.

**NAZIR:** Pernah *tak* jumpa *atau* berhadapan dengan pelanggan yang terlampau cerewet?

**ENCIK WONG:** Ada, biasa.

**NAZIR:** (sambil ketawa) Oo, biasa.

**ENCIK WONG:** Biasa, ada yang okay ada yang *itu* adalah.

**NAZIR:** Biasa dia cerewet pasal apa?

**ENCIK WONG:** Cerewet dia kata minum-minum air, makan nasi air *tak* sampai.

**NAZIR:** Ooo (sambil ketawa)

**ENCIK WONG:** *Lepas tu*, kadang-kadang masalah dia cerewet kadang-kadang orang *tu* sampai dia *tak* sampai, dia gegey [bising] macam mana orang *tu* sampai dia *tak* sampai. *Tu* je lah cerewet. Kadang-kadang makan mahal *ni* pun ada juga. *Ni* kedai lain harga lain. Saya kata yang sebut harga dah ada dah. *Tapi* cerewet *tu* kalau [kalau] 100% *tu* ada 2% je. *Tak* ramai, semua bagus la. Banyak terbaiklah.

**NAZIR:** Pernah terima kritikan pasal *ni* lah Roti Titab, contoh *tak* besar ke macam kritikan la contoh maksud macam Roti Titab *ni tak* sedap la, Roti Titab *ni* kecil sangat?

**ENCIK WONG:** Oh! Ada *jugak*. Kadang-kadang dia kata selalu nampak tebal *you* [awak] punya roti. Sekarang laku jadi kecil, *nipis* sikit. Saya kata *tak* ada saya pakai *machine*. [mesin] Bila pakai *machine* [mesin] kalau *tubik* [keluar] 10, 10 la *machine* [mesin] dia sama tebal. *Machine* [mesin] *ni* dia punya saiz ada dah, saya *oyak dio gini* [bagitahu dia macam *ni*] bukan hal *tu* *tapi* hal gandum kadang-kadang *tak*

*masuk molek dia kecut* [dimasukkan dengan tidak sempurna] kadang-kadang dia besar sikit. Dia faham la.

**NAZIR:** Dalam layan karenah pelanggan kan, apa tips Encik?

